

Mahathir beri sebab PBS tak mahu UMNO ke Sabah

M. M. L. 4 NOV 1990

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini ~~Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak mahu~~ UMNO masuk ke Sabah kerana khuatir segala penyelewengan dan kesalahannya akan terbongkar.

Sehingga kini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, PBS memerintah Sabah mengikut sesuka hati mereka sahaja dan tidak ada siapapun yang berani menegur segala kesalahan dan penyelewengan mereka.

"Tetapi dengan adanya rancangan untuk memasukkan UMNO ke Sabah, PBS menjadi bimbang kerana UMNO telah dapat mengesan semua bentuk penyelewengan yang dilakukan oleh mereka dan sebab itu mereka tidak mahu UMNO bertapak di negeri itu," katanya kepada para pemberita apabila ditanya mengenai reaksi PBS yang tidak begitu senang dengan kemasukan UMNO ke Sabah.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, PBS sebenarnya kini sedang takut kepada bayang-bayang bayang-bayangnya sendiri kerana bimbang semua kesalahan mereka akan didedahkan oleh UMNO.

Ditanya apakah rancangan UMNO kini, beliau memberitahu, UMNO sebenarnya tidak mahu pemimpin-pemimpin USNO yang menjadi ahli Dewan Undangan Negeri menyertai UMNO buat sementara waktu kerana langkah itu hanya akan menyebabkan berlakunya pilihan raya kecil.

Tegasnya, jika ini berlaku, segala usaha untuk memasukkan UMNO ke Sabah tidak bermakna juga.

"Kita tidak mahu itu berlaku, jadi ahli USNO yang menjadi ahli Dewan Undangan Negeri tidak boleh menukar parti tapi ahli USNO yang menjadi ahli Dewan Rakyat boleh berpindah kepada UMNO," katanya.

Beliau menambah, undang-undang kerajaan Negeri Sabah menetapkan keahlian ahli Dewan

LIHAT MUKA 4